




**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

*Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA**

 03-8870 4426

 ukk@dof.gov.my

 <http://www.dof.gov.my>

DOF BANGUNKAN SISTEM E-REKREASI URUS PERIKANAN REKREASI KELAUTAN

3 NOVEMBER 2023, PUTRAJAYA – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan positif industri perikanan rekreasi, ianya dibuktikan dengan penambahan pemancing-pemancing rekreasi, penambahan kelab/persatuan pemancing, peningkatan penganjuran pertandingan atau pesta memancing, kepelbagaian penerbitan majalah serta liputan media massa.

Dalam masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Perikanan Malaysia untuk membangunkan industri perikanan rekreasi kelautan agar ianya lebih terurus dan mampan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) adalah dianggarkan terdapat seramai 2.2 juta pemancing rekreasi.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia bermula pada 9 September 2020 secara berperingkat telah membangunkan Sistem e-Rekreasi bagi mengurus, memantau serta mengawal aktiviti-aktiviti penangkapan ikan rekreasi kelautan di perairan perikanan Malaysia bagi memastikan kelestarian sumber perikanan.

Pembangunan sistem ini juga selari dengan perkembangan kemajuan komunikasi digital seterusnya memberi manfaat besar kepada orang awam terutamanya pemancing rekreasi (perairan kelautan), pemilik-pemilik vesel perikanan tangkapan atau bot-bot membawa pemancing dan syarikat-syarikat, persatuan atau kelab yang menjalankan pesta atau penganjuran aktiviti perikanan rekreasi.

Pengenalan sistem e-Rekreasi akan memudahkan dan melicinkan proses permohonan, penganjuran, pembaharuan lesen penangkapan ikan rekreasi kelautan, kemudahan mendapatkan pelaporan hasil pendaratan ikan juga pangkalan data spesis ikan serta senarai pejabat perikanan daerah.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Selaras dengan hasrat jabatan ke arah pendigitalan, sistem ini juga dapat memudahkan kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia samada di negeri dan daerah dalam memudahkan pengumpulan dan penyimpanan maklumat juga data-data asas perikanan rekreasi kelautan yang lebih sistematik dan tersusun.

Sistem e-Rekreasi boleh diakses oleh orang awam melalui <https://erekreasi.dof.gov.my/> juga boleh dimuat turun melalui Google Playstore, Huawei AppGallery dan Apple AppStore.

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan